



DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
KERAJAAN BRUNEI
DUA KALI SABULAN

1 APRIL, 1957.

Ranchangan Perkembangan Negeri:

DYMM SULTAN SANGAT SUKACHITA MENYAKSIKAN

KEMAJUAN2 YANG DI-PEROLEHI

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN, Sir Omar Ali Saifuddin, sangatlah sukachita menyaksikan kemajuan2 yang di-perolehi dalam lawatan Baginda pada hari Thalatha 19 March, 1957 ka-Masjid Pekan Brunei yang baharu dan ka-lain2 tempat yang sedang di-bina di-bawah Ranchangan Perkembangan Negeri.

Baginda telah melawat ka-tempat2 tersebut dengan di-iringi oleh Pemangku Pesuruh Jaya Perkembangan Negeri, Mr. R.H. Morris; dan Juru Iring kapada Baginda, Inche' Abbas bin Haji Ibrahim.

Duli Yang Maha Mulia mulai berangkat ka-Masjid Pekan Brunei yang baharu itu pada pukul 10.00 pagi hari tersebut dan satelah berada di-sana selama kira2 satu jam, maka Baginda p u n berangkat ka-Kilanas kerana menyaksikan kemajuan2 yang di-perolehi berkena'an dengan pembina'an Parit2 dan Tali Ayer di-kawasan Sawah Padi diKilanas yang di-bina di-bawah Ranchangan Perkembangan Negeri, kemudian Baginda pun berangkat ka-Batu 14, Jalan Tutong melihat pembina'an jalan raya dan balek ka-Istana Darul-Hana kira2 pada pukul 12.30 tengah hari.

Sekitar Persidangan Majlis Mashuarat Negeri:

KERAJA'AN BRUNEI MEMINJAMKAN \$20,000,000

KAPADA KERAJA'AN NEGERI SARAWAK

Majlis Mashuarat Negeri, dalam Persidangan-nya di-Lapau sadikit hari dahulu telah berkenan membuat persetujuan hendak memberi pinjaman wang hingga sebanyak \$20,000,000 kapada Keraja'an Negeri Sarawak, menurut sebagaimana sharat2 pinjaman yang telah diberi kapada Keraja'an Borneo Utara dan juga kapada Keraja'an Persekutuan Tanah Melayu.

Bayaran bunga mengenai pinjaman tersebut ada-lah menurut harga pasar pada masa di-lakukan pinjaman itu, dan yang mana akan di-tetapkan oleh Crown Agents Investment Department.

UNDANG-UNDANG TANAH

Dalam Persidangan Majlis Mashuarat Negeri tersebut, Duli Yang Maha Mulia Sultan, telah menerangkan bahawa dua orang Pakar2 H a l Ehwal Tanah dari luar negeri; iaitu Professor Z. Cowen d a n Mr. P. Brett telah merangkakan sabuah Undang2 Tanah Yang Baharu. Undang2 itu apabila siap akan di-kemukakan kapada Majlis Mashuarat Negeri pada masa akan datang.

Duli Yang ...

Duli Yang Maha Mulia Sultan juga mengucapkan terima kaseh dan tahniah dari Kerajaan Brunei kepada kedua2 beliau tersebut atas perkhidmatan2 mereka yang berharga terhadap negeri ini sebagaimana tersebut.

X KEMASOKAN PENANAM2 SAYOR DARI LUAR NEGERI KA-BRUNEI

Majlis Mashuarat Negeri, dalam Persidangan tersebut antara lain2 telah bersetuju membenarkan perminta'an dari Sharikat Chun Yap untuk membawa masuk ka-dalam Negeri ini 20 orang Pekebun2 Sayor.

Tukang2 Kebun itu hendak-lah mempunyai surat2 akuan masuk semula ka-Negeri mereka yang asal. Mereka itu ada-lah di-benarkan tinggal di-Negeri ini selama satahun, pada kali yang pertama. Tanah yang akan di-gunakan oleh mereka itu ada-lah menurut sebagaimana syarat2 yang terkandung di-bawah Lisen Pekerja'an Sementara.

X PEGAWAI PERTANIAN NEGERI MELAWAT MALAYA

Pegawai Pertanian Negeri, Brunei Inche' Hamidoon bin Awang Damit telah berangkat ka-Singapura pada 1 March yang lalu bersama2 3 orang Pegawai2 Pertanian Negeri Sarawak dan dari Singapura mereka telah berangkat ka-beberapa tempat di-Persekutuan Tanah Melayu.

Semasa berada di-Malaya, ke-empat2 Pegawai2 Pertanian tersebut telah melawat ka-Pejabat2 Pertanian, Pusat2 Panchuba'an Menanam Pohon2 Getah yang kecil dan sebagai-nya di-Negeri2 Johore, Malacca, Negeri Sembilan dan Selangor.

Sabelom balek ka-Borneo pada akhir bulan yang lalu, Pegawai2 Pertanian itu telah melawat ka-Maktab Pertanian di-Serdang, Selangor dan bertemu dengan Pengarah Jabatan Pertanian, Persekutuan Tanah Melayu.

PRESIDENT PHILIPINA TERBUNOH DALAM KEMALANGAN KAPAL TERBANG

President Philipina, Ramon Magsaysay telah mati terbunuh dalam satu kemalangan kapal terbang yang dahshat bersama2 25 orang lagi pada pagi 17 March, 1957 ketika kapal terbang itu sedang menuju dari Bandar Raya Cebu ka-Manila.

Bangkai kapal terbang tersebut telah di-jumpai pada hari itu jug di-sabuah Kampong bernama Barrio Tap Awan, tidak jauh dari Bandar Raya Cebu. Hanya sa-orang sahaja yang hidup dalam kemalangan tersebut, iait Mr. Nestor Mata, sa-orang Wartawan dari Akhbar Philippines Herald.

Sementara itu ada-lah di-beritakan dari Manila bahawa Carlos P. Garcia telah di-lantek menjadi President yang ke-empat, Negeri Philipin

X JAWATAN KUASA PERKHIDMATAN AWAM

Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam Majlis Mashuarat dengan sukachita telah melantek orang2 yang di-bawah ini menjadi Ahli2 Jawatan Kuasa Perkhidmatan Awam ("Public Service Committee"):

: Yang Berhormat Pehin Dato' Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Mohd Jahfar, D.K., P.O.A.S., D.P.M.B., O.B.E., (Pengurus); Yang Teramat Mul Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, D.K., D.P.M.B., O.B.E.; Yang Berhormat Mr. E.W. Cousens; Yang Berhormat Pengiran Haji Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Muhammad, D.P.M.B.; P.M. Yusuf A.R.; dan Yang Berhormat M R.E. Hales, C.B.E.

Chara Meluaskan Majlis Mashuarat Negeri: X

PEMANDANGAN2_AKHBAR2_TEMPATAN

Berhubung dengan siaran2 kita pada 1 March dan 15 March yang lalu, kita telah menyiarkan hal ehwal mengenai Perishtiwaran Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei mengenai perkara Meluaskan Chara Majlis Mashuarat Negeri. Oleh kerana Renchana2 Pengarang Akhbar2 "The Borneo Bulletin" dan "The Sarawak Tribune" berkena'an hal tersebut sangat-lah elok di-ketahui oleh orang ramai, maka pada keluaran ini kita peturunkan petekan2 dari Renchana2 Pengarang itu untuk tatapan sidang pembacha.

"The Borneo Bulletin", sabuah Akhbar Mingguan bahasa Inggeris di-chitak di-Kuala Belait, Brunei menyatakan bahawa langkah yang telah diambil oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan untuk meluaskan chara Majlis Mashuarat Negeri ini, tidak-lah shak lagi akan mendapat persetujuan dari kalangan penduduk2 yang suka melihat perkembangan kemasharakatan.

"Berlebeh2an lagi, chara2 yang baharu bagi meluaskan Perishtiwaran Duli Yang Maha Mulia itu akan membawa Negeri Brunei ini arah kemajuan dalam Perlembaga'an Negeri ini. Berbagai2 jenis tuduhan telah pun di-tujukan terhadap Majlis Mashuarat Negeri ini atas alasan orang2 ramai tidak-lah di-beri peluang untuk memilih sabilangan daripada Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri, sabaleknya, mulai dari sekarang ini, Ahli2 Majlis Mashuarat Luar Bandar dan Pedalaman Luar Bandar dapat-lah memilih beberapa orang Wakil2 antara mereka pada julong2 kali dalam sejarah Negeri Brunei, daripada mana akan di-pilih orang2 yang akan di-lantek menjadi Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri".

"Selanjutnya", tegas Akhbar itu, "Dengan ada-nya Majlis Mashuarat Negeri yang baharu itu, maka dapat-lah Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri ini menyuarakan pada julong2 kali pengharapan2 dan kehendak2 orang ramai yang tinggal di-sagenap Daerah mengenai hal ehwal Negeri Brunei, yang sakan lama telah di-jalankan dengan chara berlainan".

Mengenai chara2 lantekan baharu Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Akhbar itu menyuarakan, bahawa Majlis Mashuarat Negeri ini, yang di-sifatkan sebagai "Kedai yang tertutup" sakan lama, akan menambahkan lagi 10 orang Ahli2 Yang Di-pilih. Ahli2 itu akan di-pilih oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan daripada sajumlah 22 orang chalon2 yang di-kemukakan oleh Majlis2 Mashuarat Daerah.

"Untuk sabilangan orang", Demikian kata Akhbar itu, "Terutama sekali oleh "Puak Pembangkang" Negeri Brunei, iaitu Partai Rakyat - langkah yang akan dijalankan itu tidak-lah akan memadai. Partai itu berkehendak supaya kesemua Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri ini di-pilih oleh orang ramai".

Dalam hal ini Akhbar Borneo Bulletin itu berpendapat, "Bahawa orang2 yang hendak mara dalam hal ehwal tersebut terlebih dahulu daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan, tidak-lah boleh berhasil bagi menjalankan ranchangan mereka, kerana mengikut keada'an Negeri ini ada-lah lebih baik lagi perkara tersebut di-jalankan selama 5 atau 6 tahun.

Dengan hal tersebut, dapat-lah Negeri ini mempunyai Ahli2 Majlis Mashuarat yang sudah terlatah dan juga yang akan dapat memberi perkhidmatan2 yang berharga terhadap sabuah Majlis Mashuarat Negeri "Yang Bebas" pada masa akan datang kelak".

Saterusnya Akhbar Borneo Bulletin itu berkata, "Bahawa Partai Rakyat di-Negeri ini ada-lah sebagai "saorang kanak2 yang telah rosak dan nakal". Ia berkehendak menjalankan pentadbiran, kuasa, dan tempat dalam Majlis2 Mashuarat di-Negeri ini dengan tidak payah bekerja atau berlatah bagi menjalankan pekerja'an2 yang di-kehendaki itu; serta juga ia berkehendak memberi jawatan2 yang tinggi kepada orang2 yang tidak berkelayakan, atau tidak mempunyai persedia'an bagi menjalankan tanggung jawab mereka". Akhbar itu mendapati, "Bahawa oleh kerana tidak ada orang2 yang berkelayakan bagi menjalankan jawatan2 tersebut dari kalangan

Partai Rakyat

Partai Rakyat Brunei, maka Rancangan Duli Yang Maha Mulia Sultan mengenai chara pentadbiran Majlis Mashuarat Negeri ini sudah-lah kena pada tempat-nya, dan Rancangan itu akan juga membawa faedah yang besar terhadap Negeri ini pada masa hadapan".

"The Sarawak Tribune", Akhbar Harian bahasa Inggeris di-chitak di-Kuching, Sarawak, ketika mengulas Perishtiwaran Duli Yang Maha Mulia mengenai perkara tersebut, menegaskan bahawa Rancangan Duli Yang Maha Mulia sebagaimana tersebut wajib-lah mendapat sambutan bukan sahaja oleh Warga Negara Brunei, bahkan oleh lain2 puak yang tinggal di-Negeri ini.

Akhbar itu mengingatkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan, dalam Majlis Mashuarat Negeri pada bulan February, 1956 telah bersetuju meluluskan Undang2 Majlis2 Mashuarat Tempatan Negeri Brunei, Tahun 1956 yang berdasar untuk menubuhkan Majlis2 Mashuarat Luar Bandar dan Pedalaman Luar Bandar supaya dapat-lah di-jalankan kuasa2 Keraja'an Tempatan dengan sapenoh-nya, tetapi chadangan itu telah di-tolak oleh penduduk2 Negeri ini menerusi Wakil2 mereka.

Ketika membandingkan keada'an Majlis Mashuarat Negeri Brunei dan Sarawak, Akhbar itu berkata bahawa rancangan baharu pentadbiran Majlis Mashuarat Negeri ini ada-lah berlainan chorak-nya daripada keada'an pentadbiran Majlis Mashuarat Negeri di-Sarawak.

Bagaimana pun, oleh kerana Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei sudah pun mendapat kepujian sebagai sa-orang Yang Di-Pertuan yang bijak, maka tidak-lah sesiapa pun akan menafikan bahawa rancangan Duli Yang Maha Mulia itu ada-lah untuk memberi faedah dengan chara2 yang saberapa boleh mengenai peridaran Perlembaga'an pentadbiran dalam Negeri ini. Meskipun begitu, ada-lah lebih baik sakira-nya rancangan yang baharu itu di-jalankan dengan perlahan2 pada masa orang ramai, terutama sekali penduduk2 tempatan belum-lah sanggup hendak menerima-nya.

Saterus-nya, Akhbar itu menyatakan bahawa berbagai2 perkara boleh berlaku dalam masa satahun, dan dalam masa itu juga penduduk2 di-Negeri ini telah enggan hendak mengambil bahagian dalam hal ehwal pentadbiran Keraja'an Tempatan. Maka harus-lah dalam masa itu, dengan mempunyai pengalaman2 mengenai keada'an kemasyarakatan, pelajaran dan siasah, dapatlah mereka mengubah fikiran semula - perkara-itu-lah yang sangat2 di-harapkan oleh orang2 yang mempunyai pengalaman2 yang luas.

Akhbar Sarawak Tribune, selanjutnya menyeru kepada penduduk2 di-Negeri Brunei supaya mereka buka-lah "Jubbah Kelalaian dan Kelengahan" mereka dan fikirkan-lah tanggung jawab mereka, bukan sahaja mengenai perubahan dalam hal ehwal diri sendiri, tetapi juga mengenai rakyat jelata pada masa hadapan.

Maka dengan mempunyai hal ehwal tanggung jawab sademikian, dapatlah mereka mengambil bahagian dalam hal ehwal Pentadbiran Negeri, dan dengan menjalankan pekerja'an mereka dengan sasungguh-nya, dapat-lah rancangan tersebut di-jalankan dengan sempurna.

Temasha H.I.B. Sekolah2 Melayu Pekan Brunei:

PERADUAN MEMBACHA SAJAK DAPAT SAMBUTAN YANG HANGAT

Satu peristiwa yang baharu telah di-chatitkan dalam upacara sambutan Hari Ibu Bapa Sekolah2 Melayu Pekan Brunei samanjak beberapa tahun yang lalu, manakala pada julong2 kali dalam riwayat Sekolah2 tersebut satu Peraduan Membacha Sajak telah di-langsungkan di-halaman Sekolah Melayu Sultan Mohammed Jamalul-Alam, Pekan Brunei pada malam 3 March yang lalu.

Oleh kerana ramai bilangan pemuda2 yang telah mengambil bahagian, maka Peraduan Pemilihan telah di-adakan beberapa malam terlebih dahulu di-Dewan Pejabat Penerangan Keraja'an Brunei.

Delapan orang telah masok bertanding dalam Peraduan Akhir. 4 orang

daripada-nya

daripada-nya telah membaca Sajak "Bonda yang telah pergi"; 2 orang dengan baca'an "Bunga Pupi"; sa-orang telah membawa peringatan para penuntut menuju "Ka-Makam Bonda"; dan sa-orang lagi telah membaca Sajak yang bersemangat "Wanita Sedar".

Empat orang ahli2 Kesusasteraan yang terkenal di-Negeri ini telah menghakimkan Peraduan Akhir Membaca Sajak itu.

A.W. Mohammad dengan baca'an Sajak "Bonda yang telah pergi", telah di-hakimkan sebagai Johan Peraduan itu. Gelaran Naib Johan di-menangi oleh Md. Husain Razak; baca'an Sajak Bonda yang telah pergi juga dan diturut oleh Pengiran Damit bin Pengiran Sungguh yang telah membaca Sajak "Bunga Pupi".

=====

JAWATAN KUASA KEWANGAN

Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam Majlis Mashuarat dengan sukachita telah melantek orang2 yang berikut menjadi Ahli Jawatan Kuasa Kewangan Negeri ini bagi tahun 1957:-

Penyimpan Khazanah Negeri (Pengurus - ahli rasmi); Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha; P.M. Yusuf A.R.; dan Pehin Dato' Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Mohd. Jahfar.

=====

JAWATAN KUASA PENSION NEGERI

Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam Majlis Mashuarat dengan sukachita telah melantek orang2 yang berikut menjadi Ahli2 Jawatan Kuasa Pension Negeri:-

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha (Pengurus); Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara; Pengiran Haji Mohd. Salleh; dan Pehin Laksamana Awang Haji Mohd. Taha.

=====

AHLI2 BAHARU M.T.L.A. BRUNEI

Yang Berhormat Tuan British Resident, dengan menggunakan kuatkuasa yang di-beri kapada-nya oleh bab 47 (1) (C) dari Undang2 Lalu Lintas Di-Jalan Raya, 1954 telah melantek beliau2 di-bawah ini untuk menjadi Ahli2 baharu, "Motor Transport Licensing Authority, Brunei".

Ahli Yang Rasmi: Penolong Resident, Kuala Belait.

Ahli2 Yang Bukan Rasmi: Mr. J.L. Winter, Admin: Manager, Brunei Shell Petroleum Company Limited, Seria; Pehin Orang Kaya Di-Gadong, Brunei; Mr. George Newn Ah Foott, Brunei dan Orang Kaya Abang Bujang, Belait.

Tuan British Resident juga telah melantek Miss P. McLean sebagai Setia Usaha kapada Lembaga M.T.L.A. Brunei tersebut.

=====

PELAWAT UNTOK RUMAH SAKIT BELAIT

Che' Musnah binte Mohamed Yusuf telah di-lantek sebagai pelawat untok Rumah Sakit Kerajaan Kuala Belait menggantikan tempat Mrs. R. Ker-Lindsay.

=====

LANTEKAN2 BAHARU

Mr. R.H. Morris, Pegawai buat sementara menjalankan pekerja'an2 Pesisir dan Perikanan, Brunei telah di-lantek menjadi Pengawas Penerbangan Awam, Brunei mulai dari 25 February, 1957.

Mr. John Duclos telah di-lantek menjadi Station Manager, Brunei Broadcasting Service (Radio Brunei), mulai dari 1 March, 1957.

Mr. S. Gruiks telah di-lantek menjadi Pemereksa Kira2 Negeri, Brunei, mulai dari 6 March, 1957; dan mulai dari tarikh itu juga Mr. M. Glegg telah berhenti memegang jawatan Pemangku Pemereksa Kira2 Negeri.

=====

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED

MENGGANTIKAN

BRITISH MALAYAN PETROLEUM COMPANY LIMITED

Brunei Shell Petroleum Company Limited, iaitu sebuah Sharikat Gabungan Shell yang di-tubuhkan dalam Negeri Brunei baharu2 ini telah menjalankan perniagaan-nya sendiri mulai pada 15 March, 1957 menggantikan The British Malayan Petroleum Company Limited.

Meskipun pemindahan kira2 perniagaan dari B.M.P. Company Limited kepada B.S.P. Company Limited telah di-tetapkan pada awal January tahun ini, tetapi samanjak masa itu B.M.P. Company Limited telah menjalankan perniagaan-nya sebagai Wakil bagi B.S.P. Company Limited sementara menunggu syarat2 dan peratoran2 yang bersangkutan paut dengan Undang2 dapat di-selesaikan.

Pengarah2 B.S.P. Company Limited itu ada-lah sama seperti Pengarah2 B.M.P. Company Limited, iaitu Mr. R.E. Hales, C.B.E., (Managing Director) Mr. J.L. Winter, Mr. C.E. Thieband, Mr. C.N. Chater dan Mr. F.G. West.

Sharikat yang baharu ini ia-lah sebuah Sharikat yang di-daftarkan di-dalam Negeri Brunei di-bawah Undang2 Sharikat2 Brunei; manakala Sharikat B.M.P. pula telah di-daftarkan di-United Kingdom. Pada masa Undang2 yang baharu itu berjalan kuat kuasa-nya pada awal tahun ini, pihak yang berkenaan telah menetapkan untuk menubuhkan sebuah Sharikat yang di-daftarkan di-Negeri ini.

Saterus-nya pekerja'an2, tanggung jawab dan sebagai-nya yang dijalankan dahulu oleh Sharikat B.M.P. Company Limited yang pada masa ini telah di-jalankan oleh B.S.P. Company Limited ada-lah tetap tidak berubah.

Untuk pengetahuan awam huruf2 ringkas Brunei Shell Petroleum Company Limited, Seria yang telah di-tetapkan oleh pihak yang berkuasa Sharikat itu bagi di-gunakan untuk mengirim surat dan menulis "Cheque" ia-lah "B.S.P. Co. Ltd."; manakala alamat kawat kepada Sharikat itu ia-lah "Brunshell".

=====

UNDANG2 PERJANJIAN DAN PERTOLONGAN KHAS

Penasehat Undang2, dengan persetujuan dari Duli Yang Maha Mulia Sultan, mengusulkan Undang2 Perjanjian (Tanah Melayu) Tahun 1950, dan Undang2 Pertolongan Khas (Tanah Melayu) Tahun 1950 dari Persekutuan Tanah Melayu yang telah di-gunakan dalam Negeri ini untuk menyesuaikan Undang2 Kutipan Malaya yang akan di-chap dan di-siarkan dalam Undang2 Perjanjian 1957 dan Undang2 Pertolongan Khas, 1957.

=====

Luangan So'al Jawab:

JAWAPAN SO'ALAN2 PELITA BRUNEI KELUARAN TAHUN 2: NO. 3 DIMUKA 6

- Al-Marhom Sultan Bulkiah di-kenali juga dengan satu nama yang lain, iaitu sebagai "NAKHODA RAGAM".
- Makam Sultan Bulkiah letak-nya di-KOTA BATU, Brunei.
- SIR ROBERT SCOTT ia-lah Pesuruh Jaya Agong Tenggara Asia sekarang.
- Perdana Menteri Kerajaan Inggeris pada masa ini ia-lah MR. HAROLD MACMILLAN. Beliau di-lantek menyandang gelaran itu pada 14 JANUARY, 1957.
- Sabuah Kapal Perang Tentera Laut Di-Raja British yang telah menjalankan pekerja'an mengukor dalam-nya perayaran2 di-perlabohan2 dan di-kawasan Pantai Brunei pada tahun 1956. Nama Kapal Perang itu ia-lah H.M.S. DAMPIER.
- (a) COMMANDANT DUBOC, sabuah Kapal Perang Peranchis, di-ketuai oleh Captain Dopler telah melawat ka-Negeri ini pada tahun yang lalu.
- Guru2, Murid2 Sekolah, dan Pegawai2 Kerajaan Brunei yang sedang belajar di-England dan di-Australia berjumlah seramai 16 orang seperti berikut:-

England: Inche' Md. Jamil bin Omar, Pengiran Hidup bin Pengiran Hashim, Inche' Isa bin Haji Ibrahim, Inche' Kifli bin Bujang, Inche' Nawah bin Haniffah, Inche' Abdul Rahim bin Latif, Awangku Ismail bin Pengiran Mahmood, Inche' Talib bin Darwish, Inche' Johar bin Noordin, Inche' Sunni bin Idris, Mr. Andrew Fong dan Dr. J.K. Fozdar.

Australia: Awangku Idris bin Pengiran Kerma Indera, Inche' Abdul Hamid bin Ja'afar, Mr. Michael Chong, dan Mr. Anthony Chin.

SO'ALAN2 YANG BAHARU

- Siapa-kah Penasehat Pelajaran kepada Setia Usaha Jajahan Ta'lok British yang telah melawat ka-Negeri Brunei sadikit hari dahulu ?
- Sa-orang Menteri Pelajaran dari luar negeri telah tiba di-Brunei pada tahun 1956 sebagai tetamu kepada DYMM Sultan pada masa di-langsungkan upacara2 sambutan Hari Jadi Baginda. Siapa-kah Menteri Pelajaran itu ?
- Apa-kah nama Gunung yang tinggi sekali di-kawasan Borneo British ? Di-mana-kah letak-nya gunung itu, dan berapa-kah tinggi-nya ?
- Apa-kah nama dan di-mana-kah letak-nya Maktab Perguruan Perempuan2 Melayu di-Borneo Utara ?
- Kerajaan Brunei telah menghantarkan Guru2 dari Brunei untuk ber-lateh di-Persekutuan Tanah Melayu samenjak beberapa tahun yang lalu. Sebutkan nama2 Maktab2 Perguruan Lelaki dan Perempuan sademikian.
- Yang mana benar ? Ibu Kota Borneo Utara pada masa sebelum berlaku Peperangan Asia Raya ia-lah:

(a) Labuan (b) Kudat (c) Jesselton (d) Sandakan (e) Tawau.

Segala Jawapan2 tersebut akan di-siarkan dalam Pelita Brunei pada keluaran akan datang).

=====

PANCHARAN RADIO BRUNEI

Radio Brunei akan mulai memancarkan pemancaran-nya pada malam hari Ithnin 15 April, 1957 mengikut sebagaimana ranchangan yang telah di-ator melalui gelombang sederhana 242.1 metre band, atau 1240 Kilo-cycle.

Ranchangan ini ada-lah sebagai penchuba'an sahaja, dan untok mengetahui sejauh mana dan sebaik mana pancharan Radio Brunei itu akan dapat di-terima oleh pendengar2-nya di-keliling kawasan 5 batu dari luar dan dari dalam kawasan Bandar Brunei ini. Pendengar2 ada-lah di-minta bekerjasama supaya memberi tahu pendapat2 mereka berhubung dengan pancharan Radio Brunei ini, sama ada yang di-dalam kawasan 5 batu atau yang di-luar-nya.

Ada-lah di-peringatkan kepada orang ramai bahawa pancharan Radio Brunei pada malam hari Ithnin 15 April akan datang bukan-lah sechara pembuka'an rasmi. Upachara pembuka'an rasmi itu akan di-langsungkan oleh Kabawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan pada satu masa yang akan di-beri tahu nanti.

Sahingga Radio Brunei mendapat perkakas2 yang lengkap dan Pegawai2-nya yang chukop terlatah, di-antara-nya termasuk-lah Pegawai2 yang ada sekarang ini, maka Radio Brunei akan meneruskan Perkhidmatan ini mengikut sebagaimana ranchangan yang di-sebutkan di-bawah ini:

Malam hari Ahad: 7.30 - 8.30 Lagu2 Perminta'an. 8.30 - 8.45 Sharahan Kebudayaan'an. 8.45 - 9.00 Warta Berita dalam Bahasa Melayu. 9.00 - 9.45 Siaran dalam Bahasa Inggeris. Malam hari Ithnin: 7.30 - 8.00 Hadrah Brunei. 8.00 - 8.30 Irama Baru. 8.30 - 8.45 (belum di-tetapkan). 8.45 - 9.00 Warta Berita dalam Bahasa Melayu. 9.00 - 9.45 Siaran dalam Bahasa Inggeris. Malam hari Thalatha: 7.30 - 8.00 Ranchangan Khas. 8.00 - 8.30 Lagu2 Keronchong. 8.30 - 8.45 (belum di-tetapkan). 8.45 - 9.00 Warta Berita dalam Bahasa Melayu. 9.00 - 9.45 Siaran dalam Bahasa Inggeris. Malam hari Rabu: 7.30 - 8.00 Lagu2 Perminta'an. 8.00 - 8.30 Permainan dari Studio Radio Brunei. 8.30 - 8.45 Ranchangan Kaum Ibu. 8.45 - 9.00 Warta Berita dalam Bahasa Melayu. 9.00 - 9.45 Siaran dalam Bahasa Inggeris. Malam hari Khamis: 7.30 - 8.00 Bacha'an Koran di-ikuti oleh Sharahan Ugama. 8.00 - 8.30 Lagu2 Asli. 8.30 - 8.45 Lagu2 Melayu Jati. 8.45 - 9.00 Warta Berita dalam Bahasa Melayu. 9.00 - 9.45 Siaran dalam Bahasa Inggeris. Malam hari Juma'at: 7.30 - 8.00 Ranchangan Kanak2 dan Hal Ehwal Dunia. 8.00 - 8.30 Lagu2 Perminta'an. 8.30 - 8.45 Ranchangan Lawak. 8.45 - 9.00 Warta Berita dalam Bahasa Melayu. 9.00 - 9.45 Siaran dalam Bahasa Inggeris. Malam hari Sabtu: 7.30 - 8.00 Permainan dari Studio Radio Brunei. 8.00 - 8.30 Sandiwara Radio. 8.30 - 8.45 Sharahan 'Am. 8.45 - 9.00 Warta Berita dalam Bahasa Melayu. 9.00 - 9.45 Siaran dalam Bahasa Inggeris.

Untok pengetahuan orang ramai, mulai daripada malam hari Ithnin 15 April, 1957 Radio Brunei akan memperdengarkan berbagai2 jenis lagu sebagai penchuba'an sahaja, mulai pada pukul 6.15 petang hingga pukul 8.00 malam, iaitu pada tiap2 malam hingga ka-malam hari Ahad 14 April. Dari pada malam 15 April baharu-lah Radio Brunei akan mengikut ranchangan sebagaimana tersebut di-atas ini. Bagaimana pun, buat samentara, tidaklah dapat pehak Radio Brunei menjamin yang ranchangan2 itu akan dapat di-ikuti menurut sebagaimana yang samesti-nya.

Samentara itu menurut satu kenyata'an yang terakhir sekali dari Pegawai 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri, Duli Yang Maha Mulia Sultan telah dengan sukachita melantek orang2 yang di-bawah ini menjadi Pemereksa2 Sharahan2 Ugama dan Bacha'an Koran Al-Karim bagi Radio Brunei. Pengiran Haji Mohd. Salleh (Kathi Besar Negeri Brunei), Tuan Haji Othman bin Mohd. Sa'id, Pehin Tuan Imam Haji Md. Sa'at, Pehin Khatib Metali bin Awang Md. Yassin, dan Inche' Marzuki bin Haji Serat.

Barang siapa yang suka hendak bersharah mengenai Hal Ehwal Ugama, atau membacha Koran melalui Radio Brunei, sila-lah berutus dengan beliau tersebut melalui Kathi Besar Negeri Brunei. Keraja'an akan membayar kepada orang2 yang di-terima mengambil bahagian saperti berikut: Bacha'an sekali menghebahkan \$10.00 dalam 7½ minit; manakala Sharahan Ugama sekali menghebahkan \$20.00 dalam 21 minit.

/M. Yusta